



PEMBERITAHUAN

KERTAS SIASATAN AWAM MENGENAI KAJIAN SEMULA STANDARD MANDATORI CAPAIAN

CYBERJAYA, 13 JUN 2022 - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan menjalankan Siasatan Awam mulai **13 Jun 2022 hingga 8 Ogos 2022**. Siasatan Awam mengenai kajian semula Standard Mandatori Capaian ini dijalankan menurut seksyen-seksyen 55, 56, 104(2) dan 106 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Kertas Siasatan Awam ini mengandungi pandangan awal MCMC mengenai terma dan syarat selain daripada harga untuk kemudahan dan perkhidmatan yang disenaraikan di dalam Penentuan Senarai Capaian, Penentuan No. 6 daripada 2021.

Pihak MCMC mempelawa orang ramai untuk menyertai Siasatan Awam ini dengan mengemukakan ulasan bertulis mengenai soalan-soalan khusus, pandangan awal MCMC, rasional dan analisa yang digunakan di dalam Kertas Siasatan Awam.

Pihak yang mengemukakan ulasan adalah digalakkan untuk menyokong ulasan masing-masing dengan hujah dan di mana berkenaan, ianya hendaklah disertakan dengan rujukan kepada bukti atau maklumat lain yang berkaitan.

Semua ulasan bertulis hendaklah dihantar secara bertulis dan elektronik kepada alamat dan e-mel di bawah pada atau sebelum **12:00 tengah hari, 8 Ogos 2022 (Isnin)**.

Kertas Siasatan Awam ini boleh dilayari di laman web MCMC: <http://www.mcmc.gov.my>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

MCMC HQ Tower 1, Jalan IMPACT, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor
(u.p: Jabatan Capaian, Bahagian Kawalselia Pasaran)

Tel.: +603 8688 8000

Faks.: +603 8688 1000

E-mel: access@mcmc.gov.my

www.mcmc.gov.my